



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan>

Ruj. Kami : ANM.NS.600/2/6/6 Jld. 4 (02)
Tarikh : 10 April 2023

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENGESAHAN LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN SUKUAN
PERTAMA (1) BAGI TAHUN KEWANGAN 2023.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2022 (SPANM)** berkaitan **Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan [JANM.BKP.600-14/1/11 JLD.4(4)]** adalah berkaitan.

2. Berdasarkan ketetapan SPANM Bilangan 3 Tahun 2022, penyelenggaraan laporan perakaunan Aset Bukan Kewangan hendaklah disediakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun (BA) Kementerian.

3. Bersama-sama ini disertakan Template Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan dan Tatacara Penyediaan Laporan untuk PTJ seliaan Jabatan Akauntan Negara Negeri Sembilan. Bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/Puan dipohon menggunakan Template Versi Bahagian Akaun Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. Mohon kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/ Datin/Dr./Tuan/Puan untuk memastikan laporan yang telah lengkap hendaklah diemel secara **softcopy (Excel)** dan **PDF** bagi Laporan **B3-A-A1, B3-A-A2 (i), B3-A-A2 (ii), B3-B-A1, B3-B-A2 (i), B3-B-A2 (ii) & B3-C-A1** melalui emel ke **teamupans@gmail.com** selewat-lewatnya pada **20 April 2023 (Khamis) jam 5.00 petang**.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(HALIZATUL SAFIZAH BINTI ABDUL SEMAT c.A. (M))
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan